

PM tak rela perpaduan terlerai

Tiada kelompok miliki kekebalan untuk api perkauman dibiarkan marak



MOMENTUMNYA terbina sejak ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno bulan lalu apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi dan mengulangi peri pentingnya penekanan terhadap keharmonian kaum yang berlatarbelakangkan beberapa kontroversi sejak akhir-akhir ini.

“Perpaduan kaum adalah kuncinya,” kata Perdana Menteri sebagai ingatan kepada khalayak berbeza pada mana-mana majlis yang meluahkan kesempatan buatnya memperkatakan topik itu, “kerana perpaduan adalah inti pati kepada kestabilan politik di negara ini.”

Dalam pada itu, ia juga kekal sebagai suatu isu yang mudah mengundang kerutan pada wajahnya apabila Abdullah mengenangkan sekecil-kecil perkara berkaitan sensitiviti kaum dan agama boleh menular kepada sesuatu yang sukar dikawal jika dibiarkan untuk terus diapi-apikan.

“Kita tidak harus menyembunyikan (hakikat) bahawa perpaduan kaum masih terlalu rapuh (hinggakan) jika terhantuk mungkin retak, lagi kuat mungkin pecah berkecai. Kita tidak mahu ini berlaku,” demikianlah antara hujahnya.

Malam Rabu lalu, misalnya, menyerlahkan betapa perkara mengenai perpaduan kaum ini terus menjadi tumpuan utama Perdana Menteri yang menjadikan majlis pelancaran korporat menjelang Sambutan 50 Tahun Kemerdekaan, untuk suatu pengkisahan.

Dari saat beliau berdiri di rostrum, Abdullah menyatakan niatnya hanya untuk berucap ringkas dalam memberikan sokongan dan restunya terhadap usaha Media Prima Berhad – penganjur majlis pada malam itu – menawarkan platform media lengkap kepada syarikat dan organisasi tempatan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara bermula 1 Januari depan.

Sebaliknya, apa yang menyusul selepas itu ialah pengkisahan selama 40 minit daripada Perdana Menteri dari detik negara mencapai kemerdekaan serta sejarahnya agar ia dapat dihayati oleh segenap lapisan hari ini.

“Kita nak jadikan perayaan ini sebagai satu tahun untuk anak-anak kita fikir bagaimana dan apakah penyebab negara kita maju dan berjaya, apakah pengalaman yang ada pada generasi dewasa hari ini, pengalaman yang ada hubung kait dengan perjuangan mengisi kemerdekaan, perjuangan untuk menjadikan negara maju, bangsa kita menjadi bangsa merdeka, dapat hidup dan menikmati kehidupan yang bererti dan berkualiti.

“Kita tahu bahawa yang menggerakkan perjuangan untuk menuntut kemerdekaan adalah orang Melayu. Tapi orang Melayu juga telah membuat keputusan apabila ditetapkan kita hendak merdeka, bahawa adalah lebih baik sekiranya ada kekuatan gabungan daripada orang Melayu, Cina dan India untuk memastikan tuntutan kemerdekaan itu dapat dicapai akhirnya,” katanya.

Sepanjang pengkisahan 40 minit itu, kalangan lebih 150 tokoh korporat pelbagai bangsa yang hadir, tidak pun dipaksa memasang telinga. Mereka lebih daripada rela untuk mendengar suatu ucapan yang rata-rata dirasakan sebagai ‘dari hati ke hati’.

“Harus ia antara ucapan terbaik saya,” akui Abdullah kemudian. “Mulanya ingat tak nak bercakap lama tetapi bila dia (ilham) dah datang, susah pulak nak berhenti.” Lebih-lebih lagi, ia bukan didasarkan kepada teks tetapi daripada ingatan dan pengamatannya sejak usia kanak-kanak hingga bergelar pemimpin negara kini.

Malangnya, di luar daripada dewan majlis pada malam itu, tidak semua orang yang berkongsi pandangan dengan Perdana Menteri – tidak terkecuali juga daripada kelompok Umno mahupun parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

Sesetengah melihatnya sebagai tanggungjawab untuk memperjuangkan hak dan kepentingan bangsa atau kaum yang mereka wakili, didorong oleh kepercayaan ia bersalahan dari segi politik jika itu tidak mereka lakukan.

Apabila itu berlaku, harus ada pihak yang bertindak balas kerana kepada golongan ini, ia juga bersalahan dari segi politik jika kaum mereka tidak dipertahankan. Maka, akan bertali aruslah pandangan berlawanan yang memungkinkan kepada pertelagahan.

“Hal yang berkaitan dengan perpaduan ini adalah perkara sangat penting. Apa yang berlaku dalam negara kita, kalau diambil kira apa yang berlaku dalam Perhimpunan Agung Umno, telah membuktikan betapa rapuhnya hal-hal yang berkaitan dengan perkara agama dan bangsa.

“Kita tidak boleh nafikan. Memang kita ketahui dan ini bukan bermakna ia tidak berlaku dalam kaum-kaum lain di negara kita, sama ada kaum Cina sesama mereka atau kaum India sesama mereka,” kata Perdana Menteri sebagai ingatan.

BH - 10/12/2006

“Saya tahu pada masa dulu memang lain keadaan kita, yang mana hubungan antara kaum itu kurang baik tetapi kemudian makin lama makin baik. Tapi sekarang ini ada tanda menunjukkan semakin lama semakin renggang.

“Buat apa kita simpan syak-wasangka, lebih baik kita sama-sama mengubahnya. Jika perkara ini berjangkit, sama-sama kita ubati. Kalau ada yang kurang baik, sama-sama kita tokok tambah dengan kekuatan dalaman yang kita bina,” tambahnya.

Ia harus menjadi mesej jelas kepada semua – tanpa membeza-bezakan antara kecondongan ikutan politik, asal-usul etnik mahupun darjat. Tiada kelompok yang harus berasakan mereka memiliki kekebalan untuk api perkauman terus dibiarkan marak.

Seperti dinyatakan Abdullah, mereka yang tidak pernah melihat peristiwa berdarah 13 Mei tidak akan berasa apa-apa hingga tidak memungkinkan mereka menanamkan keinsafan. Dalam pada itu pun, harus tiada sebab untuk apa juga keadaan dibenarkan untuk menghampiri kejadian berkenaan.

Abdullah, bagaimanapun, melihat kepada keperluan melakukan lebih daripada itu. Turut diletakkan antara teratas dalam senarai keutamaannya ialah memperbetulkan salah tanggapan atau persepsi negatif terhadap pelbagai perkembangan dalam negara akhir-akhir ini.

Wujud semacam kecenderungan ramai untuk lebih tertumpu kepada kekurangan atau kelengahan berbanding segala kebaikan yang sudah dilakukan kerajaan di bawah kepempimpinannya.

Perdana Menteri turut tidak menyembunyikan kekecewaannya kerana perkara negatif seperti kerap berlakunya jenayah berat dan kurangnya kerancakan ekonomi hingga perkara besar yang dilaksanakan kerajaan seakan-akan ditenggelami.

Kepada Abdullah, ia lebih berkisar kepada persepsi gara-gara keasyikan setengah pihak untuk memesongkan

tumpuan kepada perkara negatif daripada soal pembangunan yang diharapkan lebih menimbulkan kehairahan masyarakat.

Persepsi, mengikut takrifan beliau, terbina daripada apa saja yang ditonton, dibaca atau dibualkan dari mulut ke mulut atas nama keterbukaan yang dieksploitasi pihak-pihak berkepentingan untuk mewujudkan gambaran salah atau terpesong daripada hakikat atau kebenaran.

“Mungkin apa yang sudah dilakukan kerajaan tidak dicerita atau dihebahkan secukupnya. Saya sudah bercakap kepada ramai orang mengenai banyak perkara tetapi nampaknya harus lebih banyak yang perlu dihebahkan selepas ini,” katanya.

Dalam hubungan ini pun, kaitannya dengan perpaduan kaum tidak dapat dipisahkan kerana apabila soal keharmonian tidak menjadi isu, wujud ruang lebih luas untuk pembangunan lebih menjadi tumpuan.

“Jika kerjasama pada masa lalu begitu kukuh, kita patut teruskannya sekarang untuk membolehkan negara terus menjadi maju dan kuat berdasarkan satu wawasan, satu impian. Itulah harapan kita.

“Di samping itu juga, kita mesti melihat apa juga kekurangan atau kelemahan kita. Kelemahan pertama ialah generasi muda tak dapat belajar susah-payah mendapatkan kemerdekaan.

“Tak banyak kisah yang diceritakan kerana mereka gembira berada dalam keadaan sekarang, seperti dalam keadaan ‘euphoria’ kerana pembangunan terus berjalan rancak,” kata Perdana Menteri.

“Cabaran kita adalah untuk menghapuskan semua perasaan syak-wasangka sesama sendiri. Kita mesti bersatu untuk memastikan segala perancangan yang sudah dirangka, dapat dilaksanakan,” kata Perdana Menteri. Ia harus lebih daripada memadai untuk menuntut renungan mendalam.